

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA
(SUBANG)**

**TARIKH : 18.6.2014
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah pihak Tentera Udara di Gong Kedak atau pengkalan lain selepas menemui pesawat MH370 (atau satu pesawat yang tidak dikenali) masih terbang pada tinggi 30,000 kaki pada jam 2.40 pagi dekat Pulau Perak dalam radar mereka menghubungi Jabatan Penerangan Awam Malaysia (DCA) atau KLATCC, dan jika ada, pada jam berapa, dan apakah tindakbalas daripada DCA atau KLATCC.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya, penerbangan MH370 adalah penerbangan komersial yang dibawah kawalan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA). Pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi memastikan ruang angkasa negara sentiasa dilindungi dari sebarang bentuk ancaman.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN : 141

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengarahkan MAS menghentikan penyediaan minuman arak kepada para penumpang bagi menghormati pramugara dan pramugari yang beragama Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sepang, berhubung dengan penjualan arak dan lain-lain minuman keras di dalam penerbangan, syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai sebuah syarikat penerbangan yang beroperasi ke pelbagai destinasi di seluruh dunia dengan pelbagai lapisan penumpang perlu memenuhi kehendak penumpang khususnya penumpang kelas perniagaan dan kelas pertama yang mana sudah menjadi kelaziman bagi kebanyakan syarikat penerbangan di dunia untuk menyediakan minuman keras kepada penumpang. Sungguhpun demikian, ini tidak bermakna MAS menggalakkan penumpangnya untuk mengambil minuman keras.